



EDISI 1
2024
BILANGAN
47
EDARAN
PERCUMA

Wadiah

MAIPK



**MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH ANGGOTA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU
PERAK BAGI PENGGAL 2024 - 2025,
HAKIM MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI PERAK SERTA MAJLIS
PENYERAHAN ZAKAT**



**MAIPK BANTU
BAWA PULANG**

**LEBIH 200
KITAB ULAMA
NUSANTARA
DARI MESIR**

**SYAMSUL
HAZEMAN BIN
MD. SALLEH**

**DILANTIK
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF MAIPK
BERKUATKUASA
1 APRIL 2024**



MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK

Majlis penyerahan zakat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak oleh 24 buah agensi korporat berjumlah **RM20,386,198.27** telah dilaksanakan sebanyak 4 kali di Istana Perak, Kuala Lumpur, Istana Kinta, Ipoh dan Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.



Zaman Motors Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan Zaman Motor Sdn. Bhd., Dato' Hj Khadri Bin Khalid berjumlah RM124,710.00.



UDA Holdings Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif UDA Holdings Sdn. Bhd., Datuk Sr Mohd. Salem Kailany, berjumlah RM254,283.00.



Dato' Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal berjumlah RM2,958,880.00.



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif PTPTN, Tuan Ahmad Dasuki Abdul Majid berjumlah RM100,000.00.



Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSI, Tuan Zulkefli bin Abdullah berjumlah RM500,000.00.



Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif SADC, Tuan Haji Yahanis Bin Yahaya berjumlah RM2,185,854.46 dan bayaran wakaf sebanyak RM100,000.00.



Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) diwakili oleh Pengerusi KAKIB, Tuan Mohd Hasrizad bin Zaman berjumlah RM202,645.05.



Boustead Plantations Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Plantations Berhad, Tuan Fahmy Ismail berjumlah RM297,626.00.



Bank Simpanan Nasional (BSN) diwakili oleh Ketua Eksekutif BSN, Tuan Jay Khairil Jeremy bin Abdullah berjumlah RM140,000.00.



PLUS Malaysia Berhad diwakili oleh Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad, Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar berjumlah RM500,000.00.

ISTANA PERAK, CHANGKAT PERSEKUTUAN, BUKIT PERSEKUTUAN PADA 15 FEBRUARI 2024



CIMB Islamic Bank Berhad diwakili oleh Pegawai Kanan Perbankan, Kumpulan Perbankan Borong, Tuan Zainul Bahrin bin Tan Sri Hashim berjumlah RM600,000.00.



Telekom Malaysia diwakili oleh Pengurus Besar Regulatory & Engagement TM Perak, Tuan Haji Badrul Hisham bin Bahari berjumlah RM542,590.00.



THP Utara Facilities Sdn. Bhd diwakili oleh Pengerusi THP Utara Facilities Sdn. Bhd., Dato' Syed Naqiz Shahabuddin bin Syed Abdul Jabbar berjumlah RM174,964.00.

ISTANA KINTA, IPOH PADA 23 FEBRUARI 2024



BELATI diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Mohamad Solan bin Derani berjumlah RM190,000.00.



Felcra Berhad Wilayah Perak yang diwakili oleh Pengurus Besar Wilayah, Tuan Yusoff bin Razali berjumlah RM714,234.15.



Ladang Moccis Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengerusi Eksekutif Ladang Moccis Sdn. Bhd., Dato' Ahmad Sobri bin Wan Teh berjumlah RM250,000.00.

ISTANA KINTA, IPOH PADA 23 FEBRUARI 2024

Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengerusi Millenia Aqua Services Sdn. Bhd., Datuk Hang Tuah bin Din berjumlah RM163,000.



Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengurus Besar Puncak Emas Infra Sdn. Bhd., Tuan Ir. Saiful Azzuan bin Aznam berjumlah RM820,000.00.



Royal College of Medicine Perak (RCMP) diwakili oleh Ketua Eksekutif dan Ketua Kampus RCMP, Tuan Hissamuddin bin Omar berjumlah RM400,000.

ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR PADA 23 MAC 2024

Bank Pembangunan Malaysia Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tuan Roni bin Abdulwahab berjumlah RM947,217.00.



Empayar Indera Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengurus Besar Empayar Indera Sdn. Bhd., Tuan Hasrin bin Abdul Rahman berjumlah RM200,000.00.



Koperasi Guru-Guru Melayu Kerian dan Selama Berhad diwakili oleh Pengerusi Koperasi, Tuan Haji Mohd Shafie bin Md Rejab berjumlah RM100,000.00.



Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad diwakili oleh Pengerusi Koperasi, Tuan Shamsuddin bin Yusof berjumlah RM248,130.13.



Lembaga Tabung Haji diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman berjumlah RM7,472,064.48.



PINS Network Solutions Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Tuan Adi Reza bin Abd Razak berjumlah RM300,000.00.



**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN
YANG DIPERTUA DAN ANGGOTA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK,
DAN
HAKIM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERAK**

TARIKH: 30 JAMADILAKHIR 1445 / 12 JANUARI 2024 (JUMAAT)

JAM: 10.30 PAGI

TEMPAT: KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN, IPOH.

'JUNJUNGI AMANAH - SEMPURNAI TANGGUNGJAWAB'

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Beta menzahirkan penghargaan kepada Yang Dipertua dan anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak penggal 2021-2023, atas khidmat bakti mereka menjunjung amanah dan memenuhi tanggungjawab mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2023. Beta mengalu-alukan serta meletakkan amanah dan menyerahkan tanggungjawab kepada Yang Dipertua dan anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, penggal 2024-2025, demikian juga kepada hakim-hakim Mahkamah Syariah yang akan dikurniakan watikah lantikan pada pagi ini.

2. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAJLIS) ditubuhkan secara perundangan, berperanan membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali perkara-perkara hukum syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Perak selepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak).¹

3. Selain berperanan menasihati Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, menjadi hasrat Beta untuk MAJLIS turut menjadi badan bertindak dan kumpulan kerja yang aktif, menggerakkan pelbagai program untuk meningkatkan syiar Islam, memakmurkan pelbagai institusi Islam terutamanya masjid, memajukan pemikiran, serta memperkayakan modal sosial dan modal budaya ummah melalui pelbagai aktiviti, serta inovasi yang berupaya menarik lebih ramai golongan remaja mengimarahkan masjid. MAJLIS tidak seharusnya

membatasi peranan sebagai badan dengan imej yang berorientasikan isu (issue oriented body) tetapi hendaklah menjadi sebuah badan bertindak (action oriented body) yang berupaya menghirahkan pemikiran dan menghirahkan budaya ummah menjadi lebih dinamik - lebih progresif. Mengikuti isu-isu utama semasa, begitu juga bacaan terhadap cabaran-cabaran yang sedang dihadapi, juga memahami sumber kewangan dan sumber manusia yang terhad, Beta berpendirian adalah penting untuk MAJLIS mewujudkan rangkaian strategik agar berupaya berperanan lebih bermakna, dalam hasrat dan usaha, memenuhi tugas-tugas fardu kifayah untuk memajukan ummah dan meningkatkan syiar Islam.

4. Islam tidak wujud dalam vakum, tetapi wujud melalui dukungan para penganut yang menerima atau memilih Islam sebagai agama. Jurang besar yang dihadapi oleh masyarakat Islam ketika ini ialah penganut yang besar daripada segi angka, berbanding penganut yang benar-benar memahami, menghayati dan mengamalkan Islam. Imej Islam dan gambaran masyarakat dunia terhadap Islam dipengaruhi oleh tahap pencapaian dan status kejayaan umat Islam. Islam akan lebih dihormati, dan Islam akan terus dimulakan jika majoriti penganut Islam terdiri daripada ummah yang memperlihatkan prestasi pencapaian yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Islam tidak boleh dibiarkan kelihatan bagaikan warna yang suram, serta nama yang lompong tanpa pengisian yang bermakna. Ummah bertanggungjawab mewamakan Islam yang bergemerlapan dan mengisi Islam dengan kandungan yang meyakinkan. Kejayaan meningkatkan syiar Islam sangat bergantung pada tahap kejayaan ummah. Oleh itu usaha dan program pembangunan insan sewajarnya diberikan fokus.

5. Agama Islam tegak atas dasar ilmu. Perkataan ilmu disebut dalam pelbagai bentuk, diulang lebih 750 kali dalam al-Quran. Pelbagai ayat al-Quran memulakan taraf dan mengangkat martabat insan berilmu. Melalui ayat 269, surah Al-Baqarah Allah berfirman bermaksud:

"Allah memberikan hikmah (kebijaksanaan) atau ilmu yang berguna kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Maka, sesungguhnya yang diberi hikmah itu dia benar-benar telah mendapat kurnia yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran (daripada firman Allah) kecuali orang yang berakal dan tulus"²

6. Ilmu ialah teras untuk membangunkan masyarakat yang progresif dan tamadun yang agung. Tahap penguasaan ilmu akan menentukan tahap pengertian, tahap fahaman dan tahap penguasaan sesuatu bidang kehidupan. Ilmu ialah komponen yang akan membentuk nilai-nilai keperibadian seseorang insan, yang akan mengangkat taraf kehidupan masyarakat, dan yang akan menjulang kemuliaan sesuatu bangsa dan negara. Malah ilmu berperanan sebagai perisai paling kukuh untuk melindungi manusia daripada tergelincir akidah kerana terpengaruh dengan tafsiran ulama samaran, atau terpesong fahaman kerana ungkapan katakata pemimpin palsu yang bertopengkan agama.

7. Jika keagungan Islam mahu dijulung, jika martabat bangsa mahu didarjatkan, usaha untuk memperkayakan generasi muda dengan ilmu wajib diberikan tumpuan, melalui persepakatan gerakan yang tersusun lagi strategik, diselenggarakan dan digabungkan. Dalam hasrat mewujudkan pendekatan strategik tersebut, MAJLIS bersama institusi Orang Besar Jajahan, Jabatan Agama Islam, Jabatan Pendidikan, Jabatan Belia dan Sukan, Yayasan Perak, Majlis Belia Negeri serta Jawatankuasa Masjid, perlu digabungkan agar berupaya mewujudkan rangkaian kerja strategik, mengoptimalkan, menyelaraskan dan mengkoordinasi sumber dan tenaga, merintis usaha, memperkenalkan dan melaksanakan program-program yang lebih inovatif dan kreatif sifatnya, bersasar dan berfokus sesuai dengan cabaran dan keperluan semasa.

8. Belia ialah aset utama dunia. Belia menjana tenaga yang sangat dinamik. Tenaga yang sangat dinamik ini perlu diempang secara produktif, agar menjana kuasa yang konstruktif (*constructive force*) untuk membangunkan masyarakat dan negara. Kerugian besar kepada negara jika tenaga yang sangat dinamik ini tidak diempang secara produktif untuk menajatkan tenaga yang konstruktif lagi dinamik. Bermula penggal perkhidmatan anggota MAJLIS 2021-2023, Beta telah memperkenalkan lantikan dua orang anggota daripada kalangan belia, serta memperkenalkan lantikan wakil belia dalam Jawatankuasa Baitul Mal negeri dan daerah. Alhamdulillah, wakil-wakil belia yang diberikan amanah telah membuktikan dinamisme penyertaan mereka dengan menyuarakan idea-idea baharu di luar kotak. Masjid mula dipertika dengan kegiatan riadah, sukan, dan seni silat, juga program-program pendidikan serta ekonomi. Sewajibnya, masjid dipertika dengan aktiviti-aktiviti yang berupaya menarik minat anak muda.

9. Beta disembah maklum semasa berlangsungnya persidangan Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak pada 25 November 2023, wakil belia telah menyarankan agar masjid menggiatkan pertandingan e-sport atau sukan elektronik dalam kalangan belia di kariah masing-masing. Sukan elektronik atau e-sport; ia itu pertandingan sukan maya melalui permainan video³, kini telah diterima sebagai sebahagian acara sukan yang dipertandingkan di peringkat antarabangsa. Semasa berlangsung Sukan SEA Manila 2019, atlet Malaysia berusia 29 tahun, seorang pemegang ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kejuruteraan elektronik, dan penolong profesor di Universiti Heriot Watt, Dr. Yew Weng Keng telah memenangi pingat emas sulung untuk Malaysia dalam permainan "hearthstone"⁴ Pemegang pingat gangsa acara "mobile legends" wanita di Sukan SEA Phnom Penh 2023, Sharifah Alia Husna Syed Fakrurrozi, ialah seorang hafizah 30 juzuk al-Quran ketika berusia 14 tahun, penuntut Diploma Pengajian Perniagaan Kolej Profesional MARA Beranang yang memperoleh CGPA 4.0 selama lima semester berturut-turut.⁵

10. e-Sukan merupakan satu trend ketika ini. Remaja dan generasi muda akan lebih terikut dengan permainan elektronik. Ibu bapa dan masyarakat seharusnya melihat permainan elektronik secara positif, kerana permainan elektronik sebenarnya boleh meningkatkan pemikiran serta pemikiran strategik dan kritikal.⁶ Ibu bapa dan pendidik hendaklah berperanan sebagai pemudah cara dan pengimbang, memberikan bimbingan kepada anak muda untuk menguasai kemahiran e-Sukan tetapi jangan sampai melupakan tanggungjawab terhadap pelajaran, penjagaan kesihatan juga tuntutan fardu ain dan fardu kifayah. Amatlah bertepatan agar usul yang disuarakan oleh wakil belia itu, diberikan perhatian sewajarnya dan masjid mengambil daya usaha menggiatkan pertandingan-pertandingan atau latihan-latihan, daripada dibiarkan anak muda berkelana bersendirian mengembara alam e-sukan, tanpa batas – tanpa panduan.

11. Dipercayai lantikan Pengarah Belia dan Sukan Negeri bersama Presiden Majlis Belia Negeri sebagai anggota MAJLIS akan berupaya memperkenalkan pelbagai langkah inovatif yang berupaya menarik minat dan meningkatkan penyertaan lebih ramai para belia dalam program-program keagamaan begitu juga kehadiran lebih ramai belia untuk mengimarahkan masjid. Program-program kreatif yang dapat menarik minat belia terutama para belia di luar bandar dan para belia dalam kawasan-kawasan FELDA dan FELCRA akan berperanan sebagai usaha preventif yang dapat melindungi para belia daripada terjerumus dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

12. Bermula tahun 2022, institusi agama Islam di negeri Perak telah mempromosikan kempen, "KATAKAN TIDAK KEPADA PLASTIK SEKALI GUNA". Jabatan Agama Islam Perak telah melaksanakan kempen di semua sekolah menengah agama negeri dan Madrasah Idrisiah. Inisiatif ini dianjurkan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar melalui sisa buangan bahan plastik. Beta amat menghargai usaha yang telah dirintis dan menzahirkan ucapan terima kasih kepada para guru, kakitangan sekolah, ibu bapa dan pelajar-pelajar yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan kempen ini.

13. Ummah berdosa jika hanya berpeluk tubuh tanpa melakukan langkah pembetulan setelah menyedari kerosakan yang berlaku kepada alam dan kehidupan alam akibat sisa buangan bahan plastik. Kejayaan

MAJLIS bersama Jabatan Agama Islam Perak melaksanakan kempen meminimumkan penggunaan bahan-bahan plastik wajib diperluaskan agar memberi kesan yang lebih signifikan. Untuk itu, Beta telah memperkenalkan lantikan Pengarah Jabatan Alam Sekitar sebagai salah seorang anggota MAJLIS. Dipercayai Jabatan Alam Sekitar dapat memberikan input dan garis panduan penting membantu hasrat dan usaha MAJLIS untuk menyedarkan rakyat melalui institusi masjid, maahad tahfiz dan sekolah agama, aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Umat Islam wajib berada di barisan hadapan, menjadi contoh teladan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap perbuatan-perbuatan mencemari alam yang wajib dikawal. Di samping meminimumkan penggunaan bahan plastik, institusi agama Islam dan masjid hendaklah juga berada di barisan hadapan menyedarkan rakyat mengenai program kitar semula serta menghentikan perbuatan yang mencemarkan sungai dan sumber air.

14. Alhamdulillah, bilangan masjid, maahad tahfiz dan sekolah agama yang menceburkan diri dalam program keterjaminan makanan (food security) semakin bertambah. Usaha-usaha MAJLIS menyemai kesedaran terhadap keterjaminan makanan dan pembaziran makanan telah mendapat sokongan, nasihat dan bantuan teknikal daripada Jabatan Pertanian Perak. Kesedaran rakyat mengenai masalah bekalan dan keterjaminan makanan wajib ditingkatkan. Rakyat wajib disedarkan untuk sama-sama berusaha menghasilkan bahan makanan. Masjid hendaklah berperanan sebagai pemangkin dan penerang permainan (*game changer*) menggerakkan ahli-ahli kariah untuk terlibat aktif menghasilkan bahan makanan. Hendaklah dijadikan sasaran, pada akhir tahun ini, agar setiap masjid dan surau di negeri Perak, menunjukkan usaha menghijaukan kawasan masjid dan surau masing-masing dengan tanaman bahan-bahan makanan. Bantuan dan sokongan Jabatan Pertanian Perak sangat kritikal untuk menjayakan kempen bumi hijau ini dan pelantikan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri dipercayai dapat membantu secara lebih berkesan pencapaian impian MAJLIS untuk memenuhi agenda keterjaminan makanan.

15. Pada pagi ini, Beta turut berkenan mengurniakan watah lantikan seorang Hakim Mahkamah Rayuan Utama Syariah, dan enam orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Watah pelantikan pada hari ini turut mengukir sejarah baharu di negeri Perak dengan pelantikan seorang hakim wanita di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah.

16. Kaedah-kaedah Peguam Syarie Perak (2003) mensyaratkan seseorang yang berhasrat menjadi pengamal peguam syarie di negeri Perak, di samping memiliki kelayakan akademik yang diiktiraf, perlu menjalani peperiksaan atau temu duga yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie. Menyentuh titah nasihat Beta, bermula 18 Oktober 2023, Jawatankuasa berkenaan telah memperakukan tatacara penerimaan peguam syarie menurut Seksyen 69 (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, yang membolehkan mana-mana orang yang berkelakayan, yang telah memiliki sijil amalan guaman syarie di mana-mana negeri, diterima untuk beramal di negeri Perak tanpa lagi perlu melalui ujian dan temu duga. Kini, mereka hanya perlu mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa berkaitan untuk diperakukan boleh beramal sebagai peguam syarie di negeri Perak. Langkah ini dipercayai akan memudahkan hasrat para peguam syarie yang mahu melakukan amalan guaman di negeri Perak, di samping memberikan manfaat kepada anak guaman mempunyai pilihan mendapatkan khidmat guaman syarie yang lebih luas.

17. Yang Dipertua dan anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak begitu juga para hakim yang dikurniakan watah lantikan pada pagi Jumaat yang berkat ini telah diamankan dengan tanggungjawab. Junjungan amahan dan sempurnakan tanggungjawab ini sebaik-baiknya, berpedoman sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud:

"Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah dan tiada agama bagi orang yang tidak berpegang pada janjinya"⁷

Ya Malik! Ya Aziz! Ya Alim! Ya Hakim!

18. Sesungguhnya hamba-Mu ini amat insaf bahawa pemimpin yang amanah akan berlaku adil dan memenuhi tanggungjawab kepada ummah secara saksama berlandaskan hukum. Pemimpin yang amanah akan membawa rahmat kepada organisasi dan ummah di bawah pimpinannya sementara pemimpin yang tidak amanah akan memusnahkan organisasi dan merosakkan ummah di bawah pimpinannya. Insafah! Seseorang yang diamankan dengan tanggungjawab, akan disoal di Padang Mahsyar mengenai tanggungjawab yang diamankan, sama ada telah disempurnakan dengan telus dan jujur, terutama ketelusan dan kejujuran mengurus khazanah dan membelanjakan dana. Semoga orang-orang yang telah diberikan kepercayaan, terdiri daripada kalangan insan-insan yang amanah. Semoga hamba-Mu tidak terkial-kial melakukan pilihan. Semoga pilihan Hamba-Mu ini, selaras dan memenuhi firman Mu yang terukir dalam ayat 58, Surah an-Nisa yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyeruh kamu menyerahkan amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, (Allah menyeruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhanNya itu) memberikan sebaik-baik pengajaran kepada mu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat"⁸

Ya ALLAH! Ya Rahman! Ya Rahim!

19. Ampunkan segala kesilapan kami, lindungi kami daripada bisikan dan hasutan Iblis yang dilaknat, bimbing kami menemui Siratulmustakim, makbulkan doa kami, Amen Ya Rabbulalamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

2 Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2: 269)

3 Hamari, J. and Sjoblom, M.(2017), "What is eSport and why do people watch it?", Internet Research, Vol.27 No.2, pp211-232.

4 <https://www.mstar.com.my/sukan/2019/12/09esport-emas>.

5 <https://www.hmetro.com.my/amp/arena/esukan/2023/06/974697/atlet-mobile-legends-negarahafaz-al-quran>.

6 <https://www.mstar.com.my/sukan/2019/12/09esport-emas>.

7 Hadis Riwayat Imam Ahmad daripada Anas bin Malik RA.

8 Al-Quran, Surah An-Nisa (4:58)

PROGRAM PENYERAHAN KELENGKAPAN SEKOLAH SERTA KOTAK MAKANAN KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ISLAM DAN MUALAF DI DAERAH IPOH

Sabtu, 6 Januari 2024 - Program penyerahan kelengkapan sekolah serta kotak makanan kepada masyarakat orang asli Islam dan mualaf diteruskan lagi di daerah Ipoh. Sebanyak 735 kotak makan diagihkan kepada masyarakat orang asli Islam dan mualaf di Masjid An-Nur, Batu 8, Tambun. Selain itu, seramai 480 pelajar asnaf menerima manfaat kelengkapan persekolahan sesi 2024. Program ini telah disempurnakan oleh Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK. Turut hadir bersama Tuan Haji Zakaria bin Abd. Razak, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIPK dan Encik Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK.



7 Januari 2024 - Program penyerahan kelengkapan sekolah serta kotak makanan kepada masyarakat orang asli Islam dan mualaf diteruskan lagi di Kampung Kerawat, Simpang Pulai. Sebanyak 142 set kelengkapan persekolahan diagihkan kepada 142 pelajar asnaf manakala sejumlah 250 kotak makanan pula disalurkan kepada ketua keluarga di sana.

Program ini disempurnakan oleh Encik Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK. Turut hadir bersama Encik Mohd Fattar bin Jamaluddin, Pengerusi Surau dan pusat dakwah masyarakat Orang Asli Simpang Pulai dan Encik Zulkifli bin Dollah, AJK Masjid Al-Kholidi, Kg. Sengat.





Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2024 • Bil. Ke-47

16 PESERTA TAJAAN MAIPK TERIMA SIJIL KURSUS PEMBANTU DAPUR

17 Januari 2024 - Seramai 16 peserta kursus pembantu dapur tajaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah berjaya menamatkan latihan selama 3 bulan di Puncak Jaya Edu Management Sdn Bhd (Kumpulan Pendidikan Shen Jai). Majlis penyampaian sijil telah disempurnakan oleh En. Rohizan bin Hj. Omar, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat (MAIPK), diiringi oleh YDH. Toh Perdana Indera Dato' Haji Mohamad Shaharul Hashri bin Mahmood, Pengarah Urusan Puncak Jaya Edu Management Sdn Bhd.

MAIPK merakamkan ucapan tahniah kepada peserta atas usaha dan komitmen diberikan semasa mengikuti kursus dan latihan industri secara terus di industri makanan dan minuman. Selanjutnya mengingatkan betapa pentingnya sifat menghargai orang sekeliling yang berkorban demi kejayaan peserta terutamanya ibu bapa, tenaga pengajar dan juga pihak industri. Sifat menghargai ini dapat memupuk rasa syukur dan membina kekuatan jati diri masing-masing.



MAJLIS PENYERAHAN PAKAIAN PERSEKOLAHAN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT (SMAR) NURUL HIDAYAH, KG. KENANG



2 Februari 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) mengagihkan RM53 ribu dana zakat kepada 153 orang pelajar orang asli Islam Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) Nurul Hidayah, Kg. Kenang. Penyerahan pakaian persekolahan diadakan bagi memastikan pelajar orang asli mengikuti sesi persekolahan dan mendapat pendidikan yang sempurna. Pendidikan merupakan elemen utama bagi membangunkan masyarakat, termasuklah generasi muda masyarakat orang asli.

Pada tahun 2023, MAIPK mengagihkan RM32 juta bagi program pemerkasaan pendidikan dan kemahiran di bawah asnaf fakir, miskin dan fisabilillah terdiri daripada skim bantuan persekolahan, biasiswa pelajaran baitulmal, bantuan am pelajaran, dermasiswa dalam dan luar negara serta skim latihan kemahiran asnaf. Sebanyak RM5.19 juta daripada jumlah tersebut dimanfaatkan kepada hampir 30 ribu orang pelajar di bawah skim bantuan persekolahan. Bantuan tersebut banyak membantu ibu bapa menampung kos persediaan persekolahan anak-anak.

Hadir ke majlis penyerahan pakaian persekolahan SMAR Nurul Hidayah, Kg. Kenang ialah Tuan Haji Zulkifli bin Ahmad, Pengetua SMAR Nurul Hidayah yang juga Anggota MAIPK, Encik Rohizan bin Hj. Omar, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Tuan Haji Mohd Zulkhairi bin Mohd Nor, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pendidikan JAIPK dan Tuan Haji Zakaria bin Abdul Razak, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIPK.

SMAR Nurul Hidayah, Kg. Kenang merupakan satu-satunya sekolah menengah agama berasrama khusus untuk pelajar Orang Asli yang ditanggung sepenuhnya oleh MAIPK menggunakan dana zakat. MAIPK berterima kasih kepada semua pembayar zakat yang telah menyumbang kepada pembangunan serta operasi sekolah ini.





Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2024 • Bil. Ke-47

PROGRAM ZIARAH ASNAF DAN PENYERAHAN BANTUAN DI MUKIM GERIK, MUKIM KENERING DAN MUKIM KERUNAI



GERIK, 20 Februari 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) daerah Gerik telah menganjurkan program ziarah asnaf dan penyerahan bantuan di Mukim Gerik, Mukim Kenering dan Mukim Kerunai. Pentadbiran MAIPK bersama YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan Bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi, Orang Besar Jajahan Hulu Perak telah menziarahi dan menyantuni 6 buah keluarga asnaf seterusnya menyampaikan bantuan.

Program ini merupakan salah satu inisiatif MAIPK memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya. Sebanyak RM133,118 dana zakat diagihkan melibatkan 2 buah kediaman baharu berjumlah RM122,400 di bawah skim bantuan bina rumah, bantuan perubatan berjumlah RM2,000 bagi membekalkan lampin pakai buang dan tilam kesihatan, bantuan modal perniagaan terdiri daripada mesin pengisar sambal, mesin penguli tepung dan peti sejuk beku berjumlah RM5,218 serta bantuan kecemasan segera berjumlah RM3,500.


Turut hadir pada program tersebut Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Encik Fadzli bin Mohd Salleh, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, Encik Noraizad bin Rosli, Pengurus, Bahagian Agihan Zakat, Encik Zul-Azri bin Hosaini, Pegawai Baitulmal Daerah Gerik, Puan Norhasmaliana binti Ismail, serta penghulu Mukim Kenering, Mukim Gerik dan Mukim Kerunai.



MAJLIS MAKAN MALAM PENGAMAL MEDIA BERSAMA TAN SRI DATO' SERI MOHD. ANNUAR BIN ZAINI, YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)

21 Februari 2024 - Pengamal media di Perak dirai dalam Majlis Makan Malam Pengamal Media bersama Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Yang Dipertua MAIPK. Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada semua pengamal media disamping membina jalinan kerjasama dan menangani isu berkaitan asnaf serta golongan yang memerlukan.

Turut hadir dalam majlis ini pentadbir media sosial Facebook yang turut memainkan peranan penting sebagai penyalur utama maklumat kepada komuniti setempat.



MAJLIS PERASMIAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS ASUHAN DAN DIDIKAN AWAL KANAK-KANAK PERMATA (KAP)

24 Februari 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telah menganjurkan majlis perasmian dan penyampaian sijil kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak permata (KAP) di bawah kendalian Reena Learning & Development dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi Siri Ke-2. Majlis ini telah disempurnakan oleh Puan Norfazilah binti Bawadi, Pengurus Unit Pemerkasaan dan Pendidikan Asnaf, Bahagian Agihan Zakat.

Kursus KAP Siri Ke-2 disertai oleh 26 orang peserta dibiayai di bawah dana agihan zakat tahun 2023 dengan peruntukkan sebanyak RM2.5 Juta untuk melatih belia asnaf dalam bidang latihan kemahiran (TVET).



PROGRAM ZIARAH ASNAF DAN PENYERAHAN BANTUAN DI MUKIM HUTAN MELINTANG, MUKIM TELUK BHARU DAN MUKIM RUNGKUP



5 Mac 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) daerah Bagan Datuk telah menganjurkan program ziarah asnaf dan penyerahan bantuan di Mukim Hutan Melintang, Mukim Teluk Bharu dan Mukim Rungkup.

YDH. Toh Seri Lela Paduka. Dato' Dr. Khalid bin Ismail, Orang Besar Jajahan Bagan Datuk merangkap Pengerusi Jawatankuasa Baitulmal Daerah dan YDH. Toh Mangku DiRaja. KDR (B). Ahmad Zawawi bin Abdul Aziz, Orang Besar 32 Daerah Bagan Datuk telah menziarahi dan menyantuni 5 buah keluarga asnaf seterusnya menyampaikan bantuan.

Program ini merupakan salah satu inisiatif MAIPK bagi memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya. Sebanyak RM136,078 dana zakat telah diagihkan dengan membina 2 buah kediaman baharu berjumlah RM130,500 di bawah skim bantuan bina rumah, bantuan perubatan berjumlah RM5,278 untuk membeli lampin pakai buang, tilam kesihatan, kerusi roda dan bantuan kewangan bulanan berjumlah RM300. Turut hadir pada program tersebut Encik Noraizad bin Rosli, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Encik Mohd. Faizul Nizam bin Mohd Nasir, Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk serta penghulu mukim yang terlibat.





Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2024 • Bil. Ke-47

PROGRAM ZIARAH ASNAF DAN PENYERAHAN BANTUAN DI KAMPAR

25 Mac 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) daerah Kampar telah menganjurkan program ziarah asnaf dan penyerahan bantuan di sekitar daerah Kampar. Pentadbiran MAIPK bersama YDH. Toh Sedewa Raja Dato' Abdul Talib bin Abd. Fahmi, Orang Besar Jajahan Kampar merangkap Pengerusi Jawatankuasa Baitulmal Daerah dan YDH. Toh Amar Diwangsa Mohd Helmi bin Jamaludin, Orang Besar 32 telah menziarahi dan menyantuni 5 buah keluarga asnaf seterusnya menyampaikan bantuan yang diperlukan.

Sebanyak RM94,500 dana zakat telah diagihkan dengan membina 1 buah kediaman baharu berjumlah RM54,000 di bawah skim bantuan bina rumah, seterusnya RM20,000 di bawah skim bantuan baik pulih rumah dan bantuan perubatan berjumlah RM20,000 untuk membeli lampin pakai buang dan susu serta bantuan kewangan bulanan berjumlah RM500.

Percetakan Nasional Malaysia Berhad diwakili oleh Encik Mohd Fazli bin Ismail, Head of Regional (Northern) turut mengagihkan dana wakalah zakat kepada asnaf. Turut hadir pada program tersebut Encik Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Noraizad bin Rosli, Pengurus Bahagian Agihan Zakat dan Encik Muhammad Isyraf Danial bin Mazlan, Pegawai Baitulmal Daerah Kampar.



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN HARI RAYA TAHUN 2024 RM11,772,300



27 Mac 2024 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan bantuan Hari Raya Aidilfitri Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tahun 1445H / 2024M, sempena majlis sambutan Nuzul al-Quran peringkat negeri Perak di Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh.

Pada majlis itu, dana zakat berjumlah RM11,772,300.00 telah diserahkan kepada penghulu mukim dari 12 daerah mewakili 39,241 orang penerima terdiri daripada asnaf fakir dan miskin di seluruh negeri Perak.

Penerima bantuan Hari Raya Aidilfitri dipilih daripada senarai asnaf fakir dan miskin yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat di negeri Perak. Selain itu, semua penerima bantuan kewangan bulanan dan hemodialisis terdiri daripada asnaf fakir dan miskin juga turut menerima bantuan Hari Raya Aidilfitri di bawah dana zakat MAIPk.





Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2024 • Bil. Ke-47

PROGRAM ZIARAH ASNAF DAN PENYERAHAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI DI LENGGONG

5 April 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) daerah Lenggong telah menganjurkan program ziarah asnaf dan penyerahan bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada asnaf di sekitar daerah Lenggong.

Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi bersama Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh menziarahi dan menyantuni 5 buah keluarga asnaf seterusnya menyampaikan bantuan.

Sebanyak RM53,500 dana zakat diagihkan termasuklah agihan kotak makanan, cenderahati hari raya, sumbangan dana wakalah zakat diwakili oleh Head of Regional (Northern), Encik Mohd Fazli bin Ismail dan agihan beras fidyah kepada asnaf. Turut hadir pada program tersebut Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Encik Noraizad bin Rosli, dan Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Mohd Arifullah bin Mashudi serta penghulu Mukim Durian Pipit, Lenggong dan Temelong.



RM647,400 RIBU BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI DIAGIHKAN KEPADA 2,148 ASNAF DI SERI ISKANDAR

9 April 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) daerah Seri Iskandar mengagihkan bantuan Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM647,400 ribu kepada 40 buah masjid melibatkan 2,148 orang asnaf fakir dan miskin di Masjid Daerah Seri Iskandar.

Penerima bantuan Hari Raya Aidilfitri dipilih daripada senarai asnaf fakir dan miskin yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat di negeri Perak. Selain itu, semua penerima bantuan kewangan bulanan dan hemodialisis turut menerima bantuan Hari Raya Aidilfitri di bawah dana zakat MAIPK.





Wadah


MAIPK

Edisi Pertama 2024 • Bil. Ke-47

MAIPK BANTU BAWA PULANG LEBIH 200 KITAB ULAMA NUSANTARA DARI MESIR

IPOH, 16 April 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) akan membantu Muhammad Nur Hadi bin Salehuddin, pelajar tajaan MAIPK di Universiti Al-Azhar, Mesir membawa pulang lebih 200 khazanah kitab turath tulisan ulama Nusantara semenjak tahun 1920 termasuk karangan Syeikh Mohd Idris al-Marbawi dan Syeikh Jaafar Hussein yang kebanyakannya dikarang dalam tulisan Jawi dan Aceh dari sekitar tahun 1920 hingga 1960.

Naskah diperoleh daripada Maktabah Mustafa al-Halabi merupakan syarikat percetakan dan penerbitan tertua di Mesir serta daripada maktabah-maktabah di sekitar Masjid al-Azhar bakal ditempatkan di Perpustakaan Penyelidikan MAIPK.



PROGRAM ZIARAH ASNAF DAN PENYERAHAN BANTUAN DI BAGAN SERAI

29 April 2024 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) daerah Bagan Serai telah menganjurkan program ziarah asnaf dan penyerahan bantuan kepada 5 buah keluarga asnaf di Bagan Serai.

Sebanyak RM146,850 dana zakat telah diagihkan dengan membina 2 buah kediaman baharu berjumlah RM135,500 di bawah skim bantuan bina rumah, bantuan perubatan berjumlah RM11,050 untuk membeli lampin pakai buang, katil, susu ensure gold, susu pediasure dan bantuan kewangan bulanan berjumlah RM300. Program ini merupakan salah satu inisiatif MAIPK memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya.

Hadir pada program tersebut Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Encik Noraizad bin Rosli, Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai, Encik S.Daud bin Shehamy dan Pegawai Baitulmal Daerah Parit Buntar, Encik Amirudin bin Osman.



KERATAN AKHBAR BERKAITAN MAIPK

6 Nation

THE STAR, SATURDAY 19 JANUARY 2024

'Interview waived for syariah lawyers to practise in Perak'



IPOH: Any qualified persons holding a syariah legal practice certificate in any state who want to practise in Perak can now do so without having to go through the test and interview set by the Syariah Lawyer Admission Committee.

The Sultan of Perak Sultan Nazrin Shah (ps) said that from Oct 18 last year, those qualified only need to submit an application to the committee for approval to practise as a syariah lawyer in the state.

Sultan Nazrin previously decreed that the Rules of Syariah Lawyer (Perak) 2003 stipulate that any individual who intends

to become a syariah lawyer in Perak, in addition to having a recognised academic qualification, must undergo examinations or interviews set by the Syariah Lawyer Admission Committee.

"Responding to my advice, starting Oct 18, 2023, the committee has streamlined the procedures for acceptance of syariah lawyers according to Section 65 (4) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment (Perak) 2004, which allows any qualified person who has a syariah law practice certificate in any state (to be) accepted to practise in Perak without having to go through tests and interviews,"

Sultan Nazrin said.

His Royal Highness said this at the presentation ceremony of the instruments of appointment to Perak Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPK) office bearers for the 2024-2025 term, as well as state Syariah Court judges, here yesterday.

Sultan Nazrin said that the move is to facilitate the wishes of syariah lawyers who want to practise law in Perak in addition to giving clients access to a wider range of syariah legal services, Bernama reported.

At the ceremony, Sultan Nazrin presented the instruments of appointment to the Perak Syariah

Supreme Court judge Datuk Mohd Anwar Mar Zain and the state Syariah Court of Appeal Chairman Mohamad Taifur Ahmad Rusli.

The other five state Syariah Court of Appeal judges who received the instruments of appointment are Datuk Abd Aziz Mohd Yusoff, Datuk Kamardin Hashim, Datuk Mohd Padri Abd Latif, Datuk Mohamad Shahrul Abdul Hamid and Datuk Abbas Nordin.

It also carved new history in the state of Perak with the appointment of Nor Hafidha Ahmad Zahidi as the sole female judge at the Syariah Court of Appeal.

4

'Tiada makna pencakar langit jika rakyat ikat perut'



PUTRAJAYA: Menteri Kanan (K) Kerja Raya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan tidak akan membina pencakar langit jika rakyat tidak dapat membeli rumah.

Anwar berkata, kerajaan akan memastikan bahawa setiap rakyat yang layak mempunyai akses kepada perumahan yang selamat dan berkualiti.

"Kita tidak boleh membina pencakar langit jika rakyat kita tidak mampu membeli rumah. Kita perlu memastikan bahawa setiap rakyat yang layak mempunyai akses kepada perumahan yang selamat dan berkualiti," katanya.

Anwar berkata, kerajaan akan memastikan bahawa setiap rakyat yang layak mempunyai akses kepada perumahan yang selamat dan berkualiti.

"Kita tidak boleh membina pencakar langit jika rakyat kita tidak mampu membeli rumah. Kita perlu memastikan bahawa setiap rakyat yang layak mempunyai akses kepada perumahan yang selamat dan berkualiti," katanya.

18 Regional

'Jika diserang sakit, saya hanya tidur'



IBU TUNGGAL empat anak diuji penyakit gangguan saraf, ketumbuhan.

KAMPAR: Seorang wanita yang pernah mengalami ketumbuhan di rahimnya, kini mengalami masalah kesihatan yang sama. Beliau, Nur Hafizah, 35, berkata dia hanya tidur apabila diserang sakit.

Nur Hafizah berkata, dia mengalami masalah kesihatan yang sama dengan anaknya, iaitu penyakit gangguan saraf. Beliau berkata, dia hanya tidur apabila diserang sakit.

"Jika diserang sakit, saya hanya tidur," katanya.

ibu tunggal empat anak diuji penyakit gangguan saraf, ketumbuhan.

KAMPAR: Seorang wanita yang pernah mengalami ketumbuhan di rahimnya, kini mengalami masalah kesihatan yang sama. Beliau, Nur Hafizah, 35, berkata dia hanya tidur apabila diserang sakit.

Nur Hafizah berkata, dia mengalami masalah kesihatan yang sama dengan anaknya, iaitu penyakit gangguan saraf. Beliau berkata, dia hanya tidur apabila diserang sakit.

"Jika diserang sakit, saya hanya tidur," katanya.

10 Regional

Tabung jaga ada kanser buah pinggang



TAUBAT jaga bersama, jaga keperluan harian.

KAMPAR: Seorang lelaki yang mengalami kanser buah pinggang, kini mengalami masalah kesihatan yang sama. Beliau, Nur Hafizah, 35, berkata dia hanya tidur apabila diserang sakit.

Nur Hafizah berkata, dia mengalami masalah kesihatan yang sama dengan anaknya, iaitu penyakit gangguan saraf. Beliau berkata, dia hanya tidur apabila diserang sakit.

"Jika diserang sakit, saya hanya tidur," katanya.

Harap dapat rumah berstruktur batu



HARAP dapat rumah berstruktur batu.

KAMPAR: Seorang lelaki yang mengalami kanser buah pinggang, kini mengalami masalah kesihatan yang sama. Beliau, Nur Hafizah, 35, berkata dia hanya tidur apabila diserang sakit.

Nur Hafizah berkata, dia mengalami masalah kesihatan yang sama dengan anaknya, iaitu penyakit gangguan saraf. Beliau berkata, dia hanya tidur apabila diserang sakit.

"Jika diserang sakit, saya hanya tidur," katanya.

6 NEWS/Feature

'EXCEL SO THAT ISLAM WILL BE HONOURED'



RULER urges mosques to organise e-sports activities for youth.

KAMPAR: Seorang lelaki yang mengalami kanser buah pinggang, kini mengalami masalah kesihatan yang sama. Beliau, Nur Hafizah, 35, berkata dia hanya tidur apabila diserang sakit.

Nur Hafizah berkata, dia mengalami masalah kesihatan yang sama dengan anaknya, iaitu penyakit gangguan saraf. Beliau berkata, dia hanya tidur apabila diserang sakit.

"Jika diserang sakit, saya hanya tidur," katanya.

6 Regional

Kempen penjagaan alam sekitar diperluas melibatkan masjid, sekolah, mahad tahfiz

Semua pihak perlu jaga alam sekitar



IPON: Sultan Perak Sultan Nazrin Shah (ps) berkata, semua pihak perlu menjaga alam sekitar.

Sultan Nazrin berkata, dia akan memperluas kempen penjagaan alam sekitar kepada masjid, sekolah, dan mahad tahfiz.

"Semua pihak perlu menjaga alam sekitar," katanya.

Sara keluarga dengan paji pisang goreng, urut

Ibu tunggal besarkan 6 anak seorang diri



Dalam Negeri

Islam tidak boleh dibiarkan bagaikan warna suram



SUNYUN KAMPUNG

Arif tenton tv sembeli belai us+29



Edisi 19 JANUARI 2024

Sultan Nazrin bertitah, tiada guna ada pencakar langit jika rakyat ikat perut

Wajib usaha basmi kemiskinan tegar



SIDANG DUN PERAK

OWHLANDER BERNAMA

IPON: Sultan Perak Sultan Nazrin Shah (ps) berkata, tiada guna ada pencakar langit jika rakyat ikat perut.

Sultan Nazrin berkata, dia akan memperluas kempen penjagaan alam sekitar kepada masjid, sekolah, dan mahad tahfiz.

"Semua pihak perlu menjaga alam sekitar," katanya.

Edisi 19 JANUARI 2024

Pengeluaran produk home-based mampu hasilkan pendapatan lumayan

Kerepek Siti jana RM12,000 sebulan



PLATFORM FRS

CHEN NEGAT LUTPI NEGAT BAHAR

IPON: Siti jana RM12,000 sebulan.

Siti berkata, dia akan memperluas kempen penjagaan alam sekitar kepada masjid, sekolah, dan mahad tahfiz.

"Semua pihak perlu menjaga alam sekitar," katanya.